

BAB SATU

Pengenalan

1.0 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian. Kepentingan kajian dan batasan kajian juga dibentangkan bersama.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahasa Tamil diajar sebagai satu mata pelajaran dalam sistem pendidikan Malaysia selepas kedatangan imigren dari negara India ke Malaysia dalam abad ke sembilan belas. Imigren-imigren dari India ditempatkan di ladang-ladang untuk bekerja sebagai buruh di sektor perladangan kelapa, kopi dan getah. Sekolah-sekolah *vernacular* Tamil di bina oleh pengusaha ladang dan kerajaan British, penjajah Tanah Melayu pada ketika itu. Sekolah-sekolah tersebut berkembang di situ dan sukatan pelajaran adalah berdasarkan kepada sukatan negara India.

Selepas kemerdekaan, Dasar Pelajaran Kebangsaan yang berasaskan pada Laporan Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960, Laporan Kabinet 1979 serta Akta Pendidikan 1996 telah membuka jalan kepada perkembangan pendidikan bahasa Tamil. Bahasa Tamil digunakan sebagai bahasa pengantar

di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK Tamil) sejak pelaksanaan Laporan Razak (1956). Bahasa Tamil juga diajar sebagai mata pelajaran tambahan di peringkat sekolah menengah (Supramani, S. 2005). Kini bahasa Tamil merupakan mata pelajaran tambahan dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan sebagai mata pelajaran elektif dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Di peringkat sekolah menengah pula kelas bahasa Tamil dibuka sekiranya terdapat tidak kurang daripada lima belas orang dalam setiap tingkatan. Mata pelajaran bahasa Tamil diajar di luar jadual waktu sekolah dengan nama Kelas Bahasa Ibunda (POL) oleh guru sambilan. Masa pengajaran adalah dua jam bagi setiap tingkatan, iaitu dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Manakala bagi tingkatan Peralihan yang terdiri daripada murid-murid dari sekolah Tamil, Mata pelajaran bahasa Tamil diajar di dalam jadual waktu sekolah dengan peruntukan masa 160 minit. Tetapi sejak tahun 2000 keadaan tersebut telah berubah di mana guru-guru lepasan ijazah telah ditawarkan kursus bahasa Tamil di Institut Pendidikan guru dan ditempatkan di sekolah-sekolah menengah untuk mengajar bahasa Tamil di bawah pengawasan Penolong Pengarah Bahasa Tamil. Penempatan guru-guru opsyen bahasa Tamil ini telah mengatasi masalah kekurangan guru bahasa Tamil di sekolah rendah dan menengah dan juga telah membantu perkembangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil.

Sukatan Pelajaran yang digunakan semasa pemerintahan kerajaan British yang berlatarbelakangkanegara India telah diubahkan. Satu sukatan pelajaran dan

huraian sukatan pelajaran bagi setiap tingkatan dihasilkan oleh Unit Bahasa Tamil, Pusat Perkembangan Kurikulum pada tahun 1979. Sukatan Pelajaran bahasa Tamil Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) ini, memberi penekanan kepada kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis dengan menggunakan ilmu daripada pelbagai sumber dan memberi penekanan kepada kemahiran belajar dan berfikir secara kritis dan kreatif melalui pertuturan, pembacaan, perbincangan dan penulisan (Sukatan Pelajaran KBSM, Bahasa Tamil, 2001). Walaupun banyak kursus profesionalisme dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah kepada guru-guru yang mengajar bahasa Tamil di sekolah rendah dan menengah namun penguasaan bahasa Tamil dalam kalangan murid masih di tahap yang rendah, khususnya dalam kemahiran penulisan (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2008). Memandangkan status Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran pilihan dan mata pelajaran elektif dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan sebagai mata pelajaran elektif dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), maka usaha-usaha untuk memantapkan penulisan perlu diambil dengan kadar segera.

1.1.1 Kepentingan Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis ini boleh dianggap sebagai salah satu kemahiran penting bagi pemerolehan ilmu pengetahuan, pengukuran terhadap pencapaian dan perlaksanaan tugas professional (Khathijah Abdul Hamid, 1997). Menurut Bartholomy (1983), penguasaan kemahiran menulis membawa manfaat

kepada warga pelajar dalam bidang akademik dan kerjaya mereka. Mengikut Abdul Jalil Othman (1997:1), kemahiran menulis adalah kemahiran penting yang harus dikuasai oleh semua pelajar sejak dibangku sekolah kerana ia merupakan kemahiran penting dalam pendidikan formal yang memerlukan kecekapan mental dan kemahiran sendiri dalam menyampaikan maklumat, idea, perasaan atau pendapat. Berdasarkan pendapat-pendapat ahli bahasa tersebut, dapat dimuskan bahawa kemahiran menulis ini amat penting dalam kehidupan seseorang untuk mengemukakan idea dan meluahkan pendapat secara amnya dan amat penting untuk mendapat pencapaian akademik yang baik bagi seseorang murid secara khasnya. Adalah sangat penting bagi seseorang pelajar menguasainya memandangkan penguasaan kemahiran penulisan menyumbangkan kepada peluang pekerjaan dalam bidang kerjaya.

Laporan Prestasi PMR 2007 (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2008) menunjukkan bahawa kemahiran menulis merupakan komponen utama yang menentukan tahap pencapaian cemerlang , kepujian dan atau gagal dalam Bahasa Tamil PMR. Pemberatan markah bagi penulisan karangan dalam PMR ialah 60 markah. Kertas 2 mengandungi empat bahagian, iaitu Membina Ayat (6 markah), Meringkaskan Karangan (10 markah), Karangan Respon Terhadap (14 markah) dan Karangan Respon Terbuka (30 markah) (rujuk lampiran VII). Kesemua bahagian ini memerlukan kemahiran bahasa dan kemahiran menulis untuk mendapatkan markah yang baik dan cemerlang. Malah kelemahan dalam mana-mana bahagian ini boleh menyebabkan seseorang murid gagal dalam kertas bahasa Tamil PMR. Penekanan yang serius perlu diberi dalam aspek penulisan seperti pembinaan ayat yang tepat, jelas dan

bertaut, pemerenggan dan pengolahan isi. Ini bermakna guru harus peka terhadap saranan dalam mengatur pengajaran dan pembelajaran penulisan. Guru-guru harus memastikan pelajar mempunyai kemahiran-kemahiran seperti berikut dalam menghasilkan karangan yang baik.

- i. Membuat karangan daripada lakaran dan catatan dengan menggunakan kata, frasa dan ayat yang betul.
- ii. Menyusun perenggan mengikut urutan isi karangan.
- iii. Membina ayat-ayat dalam perenggan untuk menghasilkan karangan pelbagai jenis seperti surat kiriman, ucapan, perbincangan, fakta dan lain-lain lagi.
- iv. Menulis pengumuman, berita, dialog, laporan, minit mesyuarat dan lain-lain lagi.
- v. Menghasilkan penulisan kreatif seperti cereka, imaginasi dan sebagainya.
- vi. Menghasilkan karangan peribahasa.
- vii. Menghasilkan ulasan dan kritikan.

Kecekapan dalam aspek penulisan tersebut akan menyumbangkan kepada penghasilan karangan yang baik. Kemahiran-kemahiran lain yang memperlihatkan aktiviti atau latihan menulis untuk pembinaan kata, frasa dan ayat amat diperlukan untuk menguasai kemahiran menulis dengan berkesan.

Oleh yang demikian, kemahiran menulis amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil dan perlu diberikan penekanan yang sewajarnya

dari bangku sekolah rendah lagi hinggalah ke peringkat menengah. Justeru, kajian ini yang memfokuskan analisis kohesi dalam karangan bahasa Tamil adalah penting untuk melihat bagaimana kohesifnya teks karangan yang dihasilkan oleh murid sekolah.

Menurut Raimes (1983) dalam “Techniques in writing”, sebuah karangan memerlukan sub-kemahiran tertentu seperti sintaksis, isi, tatabahasa, proses menulis, pemilihan kata, audien, perbendaharaan kata, dan tujuan untuk menghasilkan komunikasi yang jelas, menarik dan berkesan dalam penyampaian idea dalam karangan tersebut. Dengan ini jelaslah bahawa kohesi adalah unsur yang penting dalam sesebuah karangan. Kohesi merujuk kepada hubungan makna secara semantik yang wujud dalam sesebuah teks.

1.1.2 Aspek kohesi dalam penulisan

Awang Sariyan (1991 : 8) menyatakan bahawa binaan karangan yang utuh dapat dilihat sebagai satu kesatuan perenggan-perenggan dan setiap perenggan harus berfokus kepada tema atau isu perbincangan. Raminah Haji Sabran(1989: 210-219) pula menyatakan penulisan haruslah mempunyai ciri-ciri dalaman seperti uniti atau kesatuan yang merujuk kepada ketepatan seluruh isi yang dikemukakan . Penyusunan semua unsur dalam sesebuah penulisan , ketepatan pemilihan dan penggabungan frasa untuk membentuk ayat , penggabungan ayat untuk membentuk perenggan adalah amat diperlukan untuk menghasilkan satu karangan yang baik. Ini menunjukkan bahawa seseorang itu mesti mempunyai kemahiran mengolah ayat dengan

menggunakan perkataan-perkataan sesuai untuk menghasilkan karangan yang baik. Adalah amat penting bagi seseorang pelajar untuk mempunyai kemahiran dalam penggunaan sarana-sarana kohesi untuk mengikatkan ayat-ayat atau bahagian-bahagian teks untuk menghasilkan satu karangan yang baik dan utuh.

Hatch (1992) membincangkan secara terperinci tentang sarana-sarana kohesi (cohesive devices) dengan merujuk kepada Halliday dan Hasan (1976), dan menyatakan bahawa sarana-sarana kohesi mengikatkan bahagian-bahagian teks dengan cara yang spesifik. Kohesi yang dicirikan oleh Halliday dan Hasan (1976) terdiri daripada kohesi nahuan dan kohesi leksikal. Kohesi nahuan atau kohesi gramatikal secara spesifik mewujudkan perkaitan sintaksis. Kohesi leksikal pula meliputi perkaitan perbendaharaan kata, secara spesifik mewujudkan perkaitan semantik atau perkaitan makna. Kedua – dua kohesi nahuan dan kohesi leksikal mewujudkan perkaitan semantik sama ada dalam ayat, atau di antara ayat dengan ayat dalam sesebuah teks.

Ada empat sarana kohesi nahuan dalam kategori kohesi dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976). Ia adalah seperti berikut:

1. Kohesi nahuan rujukan (*reference*)
2. Kohesi nahuan penggantian (*substitution*)
3. Kohesi nahuan ellipsis (*ellipsis*)
4. Kohesi nahuan konjungsi (*conjunction*)

Dua sarana kohesi leksikal yang dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976) ialah :

1. Kohesi leksikal reiterasi (*reiteration*)
2. Kohesi kolokasi (*collocation*)

Kohesi nahuan dan leksikal ini amat penting dalam penghasilan sesebuah teks yang baik dan bermakna. Oleh yang demikian, karangan yang baik atau lemah yang dihasilkan oleh murid boleh dilihat dari segi kohesi yang meliputi kohesi nahuan dan kohesi leksikal.

Sarana-sarana kohesi yang tersebut di atas akan digunakan oleh pengkaji untuk mengkaji karangan pelajar. Dalam teks atau karangan bahasa Tamil kesalahan dalam penggunaan sarana-sarana kohesi ini boleh membawa kepada pemesongan makna atau kekaburan makna.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Laporan Kupasan Mutu Matapelajaran Bahasa Tamil (karangan) PMR 2008 yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia menyatakan sebahagian besar kelemahan calon PMR dalam penulisan karangan Bahasa Tamil adalah seperti berikut:

- i. Isi-isi karangan tidak tersusun dan bercampur aduk.
- ii. Kesilapan atau kelemahan dalam kohesi nahuan dan kohesi leksikal.
- iii. Kesilapan Huraian isi diulang-ulang
- iv. Kelemahan dalam tatabahasa menyebabkan kekeliruan dalam isi yang disampaikan .

Secara keseluruhannya penguasaan bahasa adalah sangat lemah pada murid-murid yang sederhana dan lemah. Walaupun pelajar yang mengambil kertas bahasa Tamil ini mempelajari bahasa ini sejak sekolah rendah lagi, namun pencapaian mereka dalam UPSR, PMR, SPM dan STPM adalah kurang memuaskan. Pada peringkat PMR kelemahan mereka yang jelas dilihat adalah penguasaan bahasa yang rendah yang mengimpalikasikan penulisan karangan yang rendah mutunya. Kelemahan inilah menyebabkan segelintir pelajar gagal dalam kertas bahasa Tamil PMR.

Para pengkaji bahasa telah menjalankan beberapa kajian yang berkaitan dengan penulisan karangan dan mereka mendapati pelajar-pelajar, khususnya pada peringkat Sekolah Menengah Rendah, tidak berkeupayaan untuk menghasilkan karangan yang berkesan dan mantap.

'Many people, including college students, do not write well according to the standards set by these words...' Cooper, C. (1979:3).

Laporan Cooper, C. (1979) adalah berdasarkan pada kajian penulisan yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar universiti. Satu lagi kajian yang dijalankan oleh Martin (1985) membuktikan bahawa kekurangan punca-punca linguistik dan kegagalan untuk menghubungkan teks dengan konteks yang betul dan tepat. Martin telah mengadakan satu bengkel di mana guru-guru menjadi peserta dan mereka diminta menilai hasil penulisan pelajar mereka. Masalah yang dikenalpasti dalam hasil pelajar ialah kekurangan punca-punca linguistik dan kegagalan untuk menghubungkan teks dengan konteks yang betul dan tepat. Ini menunjukkan bahawa kelemahan dan kesalahan-kesalahan pelajar

dalam menghasilkan satu karangan baik wujud di mana-mana jua sama ada di luar negara atau di dalam negara.

Di Malaysia kelemahan calon Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam penulisan karangan adalah sama seperti kelemahan calon atau pelajar di luar negara, iaitu isi-isi karangan tidak tersusun dan bercampur aduk, kesilapan atau kelemahan dalam kohesi nahuan dan kohesi leksikal, kesilapan huraian, isi diulang-ulang, kelemahan dalam tatabahasa menyebabkan kekeliruan dalam isi yang disampaikan dan sebagainya. Menurut keputusan kajian Manar Mannan (1995) terdapat kelemahan yang ketara dalam karangan guru-guru pelatih. Mereka seharusnya ada pengetahuan yang luas tentang penghasilan ayat-ayat untuk menghasilkan ayat-ayat yang kohesif dan bermakna.

1.3 TUJUAN KAJIAN

Memandangkan kohesi memainkan peranan penting dalam penghasilan karangan yang terbaik, maka pengkaji bercadang untuk mengkaji keutuhan kohesi dalam karangan bahasa Tamil pelajar-pelajar Tingkatan Tiga (PMR) di dua buah sekolah Menengah .

Pengkaji ingin melihat tautan atau kohesi yang terdapat dalam karangan yang dihasilkan oleh murid tingkatan tiga. Kohesi nahuan yang terdapat dalam ayat itu sendiri, antara ayat dengan ayat dan perenggan dengan perenggan akan

dikaji dalam karangan bahasa Tamil pelajar berdasarkan model Halliday dan Hasan. Jenis-jenis kohesi yang digunakan oleh pelajar dalam karangan mereka akan dihuraikan oleh pengkaji. Karangan yang dipilih adalah karangan jenis perbincangan dan perbincangan yang dihasilkan oleh pelajar yang berbeza gender dan tahap, iaitu pelajar jenis tahap sederhana dan halus (harus lulus).

Kajian ini merangkumi dan menepati persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji akan menjadi panduan kepadanya untuk mendapatkan maklumat bagi kajiannya.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soal berikut:-

- i. Adakah terdapat perbezaan yang nyata dari segi penggunaan kohesi nahan antara karangan jenis perbincangan dan perbincangan?
- ii. Adakah kekerapan penggunaan kohesi menentukan gred karangan?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang nyata dari segi penggunaan kohesi nahan mengikut gender?
- iv. Adakah tabiat membaca pelajar mempengaruhi prestasi pencapaian penggunaan kohesi?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Keputusan peperiksaan PMR merupakan perintis kepada calon-calon SPM untuk menduduki kertas bahasa Tamil dalam SPM . Keputusan yang baik dalam kertas bahasa Tamil akan mendorong pelajar lepasan PMR mengambil kertas bahasa Tamil dalam SPM. Maka keputusan yang baik dalam kertas bahasa Tamil adalah sangat penting. Maka untuk mendapat markah yang baik dalam kertas bahasa Tamil PMR seseorang pelajar harus mahir dalam penulisan yang menyumbangkan 60 markah dalam kertas tersebut. Guru-guru dan pelajar-pelajar harus terdedah kepada kemahiran penulisan wacana, teks atau esei. Bagi menghasilkan esei atau karangan yang baik seseorang harus mahir dalam menggunakan sarana-sarana kohesi yang menyumbangkan kepada pembinaan ayat yang tepat, jelas, bertaut, pemerenggan yang cekap dan pengolahan isi yang baik. Fungsi kohesi nahuan dan kohesi leksikal serta kecekapan menggunakannya dalam ayat adalah sangat penting untuk menghasilkan sesebuah karangan yang utuh.

Menyedari hakikat ini, adalah penting bagi pengkaji untuk mendedahkan kelemahan pelajar dan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dalam menggunakan sarana kohesi dalam ayat yang membentuk karangan mereka. Pengkaji berharap para guru dapat menjadikan kajian ini sebagai panduan bagi membimbing pelajar untuk menulis karangan yang baik dan berkualiti.

Diharap kajian ini akan membantu Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri untuk mengadakan seminar atau kursus profesionalisme

yang memberi penekanan kepada ilmu analisis wacana khususnya aspek kohesi bagi menyedarkan guru-guru tentang kepentingan kohesi dalam kemahiran mengarang.

Kajian ini juga adalah penting untuk mengalakkan para penulis buku teks dan buku latihan untuk menekankan kohesi dalam isi teks dan latihan. Pendedahan kepada banyak latihan atau latih tubi akan membantu pelajar untuk menguasai kohesi dan mengaplikasikannya dalam karangan mereka.

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada aspek pendidikan menganalisis penulisan bahasa Tamil pelajar Tingkatan Tiga dari segi penggunaan kohesi nahuan sahaja. Kajian ini hanya memfokuskan aspek kohesi ataupun pertautan dan tidak menganalisis aspek lain dalam proses penulisan karangan. Mod wacana yang dipilih juga hanya jenis karangan perbahasan dan jenis perbincangan walaupun ada lima belas jenis karangan dalam penulisan. Kajian ini juga hanya mengira kehadiran sarana kohesi nahuan dan melaporkan secara kuantitatif dan menghuraikan secara diskriptif. Kohesi Leksikal tidak dikaji dalam karangan pelajar kerana ia akan menyebabkan skop kajian yang luas. Kohesi Leksikal lebih sesuai jika dikaji bersama kohesi nahuan dalam karangan pelajar Tingkatan Empat.

Sampel kajian terbatas kepada 60 orang pelajar tingkatan tiga dari dua buah sekolah. Mereka diajar mata pelajaran bahasa Tamil oleh guru siswazah

sepanjang masa di mana pengajaran dijalankan dalam jadual waktu sekolah. Pemilihan sampel dihadkan kepada pelajar-pelajar yang berasal dari Sekolah Rendah kebangsaan Tamil sahaja. Setiap responden dikehendaki menulis sebuah karangan sahaja yang modnya perbincangan atau perbincangan. Kajian dijalankan pada masa persekolahan untuk memudahkan pengkaji mengumpulkan data pada masa yang ditetapkan.

1.7 DEFINISI OPERASIONAL

1.7.1 Wacana

Wacana ialah penggunaan bahasa dalam sesuatu teks yang mencerminkan fikiran seseorang dan adalah penting untuk menguasai kemahiran kohesi, iaitu menggabungkan fonem, morfem, frasa, klausa dan ayat dengan cekap supaya dapat menghasilkan sesuatu teks yang utuh dan membawa makna. Difahami bahawa wacana yang utuh bergantung kepada penggunaan kohesi yang tepat dan sesuai. Wacana ialah kesatuan bahasa yang lengkap dan paling tinggi dalam bentuk pertuturan dan penulisan yang memperlihatkan kesinambungan fikiran di dalamnya dan merujuk kepada komunikasi dalam konteks . Ia dianggap sebagai penggunaan bahasa dalam konteks yang membawa makna. Hal ini bermaksud bahawa jika dalam konteks karangan, wacana wujud apabila berlaku interaksi komunikasi antara teks dengan pembaca. Bagi memastikan makna yang dibawa oleh teks sejajar dengan makna yang difahami oleh pembaca, maka pengarang perlulah memaparkan ideanya dengan bertaut dan berpadu .

1.7.2 Kohesi

Wacana dan kohesi adalah satu gabungan yang tidak dapat dipisahkan dalam menghasilkan sesebuah karangan atau teks yang mempunyai semantiknyanya. Kohesi merupakan sesuatu unsur yang memainkan peranan yang penting dalam membawa makna dalam menghasilkan sesuatu teks atau karangan yang utuh. Ia merupakan pertalian yang megikatkan satu bahagian dengan satu bahagian sehingga teks itu terbentuk satu kesatuan yang jitu.

1.7.3 Karangan Perbahasan

Karangan perbahasan merupakan karangan yang mendedahkan teknik mengemukakan hujah, membidas isi atau fakta dan seterusnya mempertahankan pendirian sama ada sebagai pencadang atau pembangkang . Pada kebiasaannya , jika soalan itu dalam bentuk situasi pertandingan, pelajar akanmenentukan pendirian mereka sama ada sebagai pencadang atau pembangkang. Sebaliknya, jika soalan itu dalam bentuk situasi bukan pertandingan, pelajar dikehendaki menyokong pernyataan atau membangkang pernyataan. Dalam keadaan ini, pelajar tidak dibenarkan untuk mengemukakan pendapat samada sebagai pembangkang atau penyokong bagi sesuatu tajuk. Hujah-hujah yang dikemukakan mestilah diiringi oleh fakta, contoh atau bukti yang jelas.

1.7.4 Karangan Perbincangan

Karangan jenis perbincangan memerlukan pelajar membincangkan secara bebas dengan mengemukakan hujah sama ada dari sudut penyokong atau pembangkang sahaja atau kedua-duanya sekali bergantung pada kehendak soalan. Para pelajar yang menulis karangan ini dikehendaki membincangkan kesan-kesan baik dan buruk sesuatu perkara. Dalam hal ini para pelajar perlu memiliki pengetahuan yang luas tentang sesuatu perkara sebelum membincangkannya. Ini adalah kerana karangan ini memerlukan kemahiran berhujah dan menyampaikan fakta dengan tepat dan membincangkannya dari pelbagai sudut. Perbincangan yang disampaikan oleh pelajar dalam karangan mereka mestilah logik dan menunjukkan kematangan berbincang dan berhujah disamping berkemampuan bersikap rasional dan tidak membincangkan perkara-perkara yang sensitif dan negatif. Pelajar-pelajar perlu memberikan pendirian berkaitan dengan perbincangan yang diuraikan dengan satu kesimpulan yang teguh dan meyakinkan pembaca .

1.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa kajian mengenai kepentingan penggunaan kohesi yang betul dan tepat dalam karangan bahasa Tamil perlu dilakukan bagi menjamin paraguru dan pelajar arif tentangnya supaya boleh menghasilkan sesuatu wacana yang mantap, khasnya dalam karangan, supaya keaslian, kejelasan dan keutuhan bahasa dapat dipelihara.